

Helo Kampus

f helo kampus
kampus@utusan.com.my

7,200 graduan UPM diraikan



SULTAN Selangor yang juga Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan mengurniakan hadiah kepada penerima Anugerah Canselor kepada graduan Ijazah Sarjana Muda (Fizik), Muhammad Khairul Adib Muhammad Yusof.

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK
kampus@utusan.com.my

SEBANYAK 7,200 graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima diploma dan ijazah masing-masing pada Majlis Konvokesyen UPM ke-40 yang berlangsung di Dewan Utama, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, baru-baru ini.

Majlis konvokesyen selama enam hari itu dibahagikan



UTUSAN MALAYSIA
MINGGUAN MALAYSIA

kepada lapan sidang melalui penganugerahan ijazah dan diploma kepada para graduan daripada pelbagai jurusan.

Daripada jumlah itu, 500 menerima ijazah doktor falsafah (Ph.D), 1,788 ijazah sarjana, 4,451 ijazah sarjana muda dan 461 diploma.

Majlis konvokesyen itu telah disempurnakan oleh Sultan Selangor yang juga Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan dihadiri Naib Canselor UPM, Datin Paduka Dr. Aini Ideris.

Majlis konvokesyen kali ini juga mencatatkan sejarah yang tersendiri buat UPM apabila menganugerahkan gelaran Profesor Emeritus kepada Tan Sri Dr. Nayan Ariffin; Prof. Datuk Dr. Wan Md Wan Yunus; Datuk Dr. Kamel Ariffin Mohd. Atah dan Datuk Abang Abdullah Abang Alli.

MAHASISWI, Fatin Hazirah Surizan 21, (kiri) bersama rakan-rakannya pasangan kembar Anis Lelyfa Azman (tengah) dan Anis Lelyka Azman (kanan) menunjukkan trofi yang diterima pada majlis Konvokesyen UPM KE-40.



PASANGAN suami isteri, Mohd. Rabiol Turubih dan Azizah Mohd. Rah meraikan kejayaan selepas menerima ijazah masing-masing pada Majlis Konvokesyen UPM Ke-40.



ATLET renang berrimba dan pemenang pingat Emas Sukan SEA 2011, Lee Zhien Huey menerima ciuman tahniah daripada ibunya, Goh Bee Yuen sambil diperhatikan oleh ayah Lee Siew Lai dan adiknya, Lee Ying Huey selepas menerima Ijazah Sarjana Muda Kepujian Sains Kimia Petroleum pada Majlis Konvokesyen UPM ke-40.